

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

HGM 332 - Geografi Ekonomi

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi TUJUH (7) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Geografi Ekonomi adalah berkait rapat dengan idea-idea mengenai penyusunan ruangan, pembentukan sistem-sistem ekonomi dan penggunaan pelbagai sumber oleh manusia. Bincangkan.
2. (a) Sejauh manakah kewujudan pengangkutan dikaitkan dengan proses pembangunan di sesuatu kawasan.  
(b) Dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan struktur kos dan faktor-faktor yang mempengaruhi kos pengangkutan.
3. Dengan merujuk kepada sistem pemandaran yang tertentu, bincangkan asas analitik hierarki tersebut.
4. Bincangkan perubahan-perubahan yang telah berlaku kepada koperasi-koperasi automobil yang terkemuka di dunia sejak 1950. Apakah teladan yang boleh dirumuskan daripada perubahan-perubahan ini?
5. Dekad 1990-an yang baru bermula mengarah ke puncak pencapaian teknologi, sebaliknya wilayah-wilayah ekonomi di dunia menggambarkan keadaan yang berlainan. Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi perbezaan ini.

6. Sejauh manakah faktor kewangan dan pasaran menentukan pembangunan dan pertumbuhan dalam ruang? Sokong hujah-hujah anda dengan contoh-contoh yang sesuai.
  
7. Dalam isu pembangunan, istilah (i) sumber dan (ii) faedah bandingan mempunyai takrifan yang sentiasa berubah. Bincangkan dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai.

-ooo000ooo-